

UNTUK SIARAN SEGERA

Majlis Anugerah Kebangsaan untuk Kid Witness News & Diari Eko Bergambar

Kuala Lumpur, 10 November 2016 - Panasonic telah menganjurkan Majlis Anugerah Kebangsaan untuk Program Sekolah Kanak-kanak Panasonic yang telah dijalankan iaitu Program Kid Witness News Panasonic dan Diari Eko Bergambar. Kedua-dua program ini telah dianjurkan oleh Panasonic untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran tambahan dan untuk memupuk Pendidikan Eko ke dalam minda generasi muda.

Penyertaan Kid Witness News (KWN) adalah pelajar berusia dari 10 hingga 17 tahun yang menghantar video filem pendek mereka yang berasaskan tema Ekologi, Komunikasi dan Sukan. Bagi, Diari Eko Bergambar (EPD) pula, pelajar berusia dari 10 hingga 16 telah menghantar diari mereka yang mengandungi penulisan tentang punca-punca dan kesan-kesan pemanasan global, kepelbagaian biologi, teknologi eko dan gaya hidup eko.

Panasonic Malaysia memperkenalkan program KWN melalui pendidikan video pada tahun 2005. Kemudian pada tahun 2011, satu lagi program pembelajaran eko telah diperkenalkan iaitu Diari Eko Bergambar melalui Sekolah Kanak-kanak Panasonic. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa kanak-kanak bukan sahaja peka eko tetapi juga pintar eko, melalui pembelajaran menerusi pengalaman.

"Ini adalah sebahagian daripada komitmen kami kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat kami dan sebagai aktiviti ko-kurikulum untuk sekolah-sekolah dengan tumpuan kepada pembangunan kemahiran, kerja berpasukan, kreativiti dan tanggungjawab untuk membantu memelihara alam sekitar." ulas Gorbachan Singh, Pengarah Bersekutu Sumber Manusia & Pentadbiran, Panasonic Malaysia. "Ianya penting untuk mewujudkan penyelesaian mampan bagi menangani isu persekitaran", tambah Gorbachan.

Bengkel latihan Kid Witness News (KWN) telah dijalankan pada bulan Ogos 2016 di Nilai Springs Resort. Latihan ini telah dianjurkan dengan objektif untuk memperkenalkan pelajar kepada pelbagai aspek pengeluaran video, untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dan untuk membantu membangunkan kreativiti dan keyakinan mereka.

Untuk tahun ini, Panasonic Kid Witness News telah mendapat penyertaan dari sejumlah 19 buah sekolah dan 76 orang pelajar. Sejumlah 19 video telah diterima dari sekolah-sekolah di seluruh negara dan 12 video telah dipilih untuk ke peringkat akhir.

Bagi Diari Eko Bergambar pula, penyertaan dalam bentuk diari yang disediakan oleh Panasonic telah diterima dari sejumlah 23 buah sekolah dan 400 orang pelajar. Seramai 30 orang pelajar telah disenarai pendek untuk bersaing pada peringkat akhir.

Hadiah berupa Hair Styler Panasonic, Lampu Suluh LED, Kipas Meja LED, trofi yang direka khas dan sijil penyertaan telah diberikan untuk pemenang di majlis anugerah tersebut.

Video Pemenang untuk pertandingan KWN akan mewakili Malaysia di peringkat Global.

Tentang Panasonic

Panasonic Corporation adalah peneraju global dalam kemajuan teknologi elektronik pelbagai dan memberi penyelesaian untuk pelanggan dalam barangan elektronik pengguna, rumah, automotif, penyelesaian perniagaan dan alatan perindustrian. Sejak penubuhannya pada 1918, syarikat ini telah berkembang secara global dan kini beroperasi dengan 474 anak syarikat dan 94 syarikat bersekutu di seluruh dunia, mencatatkan penjualan bersih bergabung sebanyak 7.553 trillion yen untuk tahun berakhir Mac 31, 2016. Komited untuk mendapatkan nilai baru melalui inovasi pada barisan produk yang terbahagi, syarikat ini menggunakan teknologinya untuk mencipta kehidupan dan dunia yang lebih baik kepada pelanggannya. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Panasonic: <http://www.panasonic.com/global>.

Tentang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah syarikat jualan, servis dan pemasaran bagi jenama produk elektrik dan elektronik Panasonic pelbagai jenis dari audio visual, peralatan rumah, penyaman udara, penapis udara dalam rumah, perniagaan solar, digital & kamera video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, kesihatan & penjagaan kecantikan, bateri dan pencahayaan. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar berdaftar seluruh negara. Untuk maklumat lanjut jenama dan produk, lawati laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, muat turun penyiaran media dan acara bersama gambar di www.pmpressroom.com

Hubungan Media: Mazlee Mokhtar
Pengurus, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Faks: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com